

**MAJLIS PENGISYTIHARAN
KONVOKESYEN KE-23
SARAWAK SKILLS &
KOLEJ UNIVERSITI I-CATS**

**UCAPAN PENGISYTIHARAN
YANG AMAT BERHORMAT
DATUK PATINGGI (DR) ABANG HAJI ABDUL
RAHMAN ZOHARI
BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG
KETUA MENTERI SARAWAK**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera

[Salutasi]

1. Syukur kepada Allah SWT bahawa dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama sempena Majlis Pengisytiharan Konvokesyen Sarawak Skills ke 23 pada hari ini.
2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para graduan yang bakal menerima sijil masing-masing pada Konvokesyen kali ini. Tahniah juga kepada para ibu-bapa yang telah

menjadi pendorong kejayaan anak-anak mereka.

3. Kesan pandemik Covid-19 ke atas negara malah seluruh dunia telah mencetuskan amalan norma baharu yang mengubah kehidupan kita. Dari segi perhubungan sosial, amalan kerja, malah cara pembelajaran telah mengalami perubahan yang agak drastik.
4. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga pengajar dan pensyarah terutama di Sarawak Skills dan Kolej Universiti iCATS atas segala jasa dan usaha anda semua mendidik anak muda Sarawak supaya mereka dapat menamatkan pengajian dengan jayanya serta akan

meneruskan kerjaya untuk menyumbang kepada kemajuan diri, keluarga dan negeri.

5. Saya percaya ramai pengajar dan pensyarah telah menggunakan pelbagai kaedah, khususnya kaedah atas talian, untuk terus berhubung dengan pelajar supaya pembelajaran dapat diteruskan seperti biasa. Sumbangan, jasa, bakti dan pengorbanan para pensyarah dan jurulatih selama ini harus kita sanjungi serta hargai.
6. Saya percaya pembelajaran secara maya adalah masa depan dalam pendidikan. Oleh itu, saya menyeru kepada warga pendidik supaya mendalami kemahiran pengajaran secara atas talian dan "home-based learning" yang merupakan kebiasaan baharu dalam

bidang pendidikan. Para belia kita pula perlu menerima dan mengambil bahagian dalam norma baharu yang sedang berlaku.

7. Untuk memastikan kelestarian pembangunan Negeri Sarawak, kita berusaha untuk memperkasakan ekonomi hijau (Green Economy), iaitu strategi pembangunan berasaskan tenaga boleh diperbaharu (renewable energy).
8. Sarawak sangat bertuah kerana dirahmati dengan banyak sumber tenaga boleh diperbaharu. Dengan peralihan dasar dua dekad yang lalu, air merupakan sumber kekayaan yang baharu di mana kuasa kinetik air digunakan untuk menjana tenaga hidro bagi kegunaan industri. Dengan terbinanya

empangan hidro Batang Ai, Bakun, Murum dan Baleh Sarawak diiktiraf sebagai penjana tenaga hidro yang terbesar di negara ini. Sekarang, tenaga elektrik dari Sarawak disalur ke Kalimantan Barat yang pasti menambahkan hasil kepada negeri ini.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

9. Dalam perkembangan ekonomi dunia yang sedang giat menuju ke arah penggunaan tenaga yang bersih, adalah dijangkakan bahawa gas hidrogen akan menjadi sumber tenaga utama dalam dekad-dekad yang akan datang.
10. Sarawak, mendahului negeri-negeri lain, sudah mula mengorak langkah untuk merintis penggunaan hidrogen, khususnya dalam

sektor pengangkutan. Loji pengeluaran gas hidrogen di bawah kelolaan Sarawak Energy di Pending merupakan kemudahan pertama di rantau ini. Dua buah bas yang beroperasi di bandar raya Kuching juga merupakan bas hidrogen pertama di Malaysia dan di rantau Asean. Malah, stesen pengisian bersepadu pertama juga sedang dibina di Kuching yang menyediakan pengisian minyak konvensional, elektrik dan hidrogen.

11. Salah satu penggerak utama ke arah ekonomi Hidrogen adalah pembangunan sumber manusia atau "capacity building". Sarawak perlu menyediakan institusi universiti, vokasional dan pusat latihan kemahiran khas untuk menjana kemahiran dalam teknologi baru ini. Kita perlu mempunyai tenaga mahir

sendiri daripada golongan juruteknik dan jurutera supaya ada kelangsungan dalam pada negeri ini mengejar pembangunan berasaskan teknologi dan sumber tenaga baharu, khususnya hidrogen.

12. Saya yakin institusi seperti Sarawak Skills dan Kolej Universiti iCATS boleh memainkan peranan sebagai penjana sumber tenaga mahir atau specialist dalam pelbagai teknologi baru termasuk pembangunan penggunaan gas hidrogen dan teknologi digital yang menjadi pemangkin kepada ekonomi masa kini.
13. Saya berbangga kerana iCATS telah diiktiraf menjadi sebuah universiti kolej. Diharapkan lebih banyak program ijazah, sarjana dan

sarjana falsafah yang menepati keperluan negeri ini akan dilaksanakan dan ditawarkan.

14. Sememangnya, Sarawak agak ke hadapan dari segi membangunkan sumber tenaga manusia sendiri walaupun pendidikan dan kemahiran merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Sarawak mempunyai pusat dan institusi kemahiran Skills dan iCATS, dan Centexs selain pusat kemahiran lain di bawah tanggungjawab persekutuan seperti Politeknik, ILP, Kolej Vokasional, Kolej Komuniti, IKM dan lain-lain.
15. Di peringkat yang lebih tinggi, Sarawak mempunyai dua buah universiti, iaitu Swinburne University of Technology dan Curtin University selain daripada UNIMAS,

UPM dan UiTM. Dan baru-baru ini Kerajaan Sarawak melalui Yayasan Sarawak telah mengambil alih University College of Technology (UCTS) di Sibul.

16. Sarawak juga sedang mempunyai rancangan untuk membina lima buah sekolah antarabangsa berdasarkan syllabus Cambridge, iaitu dua buah di Kuching dan sebuah masing-masing di Sibul, Bintulu dan Miri. Pembinaan sebuah daripada dua buah sekolah berkenaan di Kuching sedang dilaksanakan dan dijangka beroperasi pada 2023 dengan pengambilan pelajar-pelajar cemerlang daripada pelbagai latarbelakang ke tingkatan satu.

17. Sekolah ini bukanlah dikhas kepada golongan yang berada sahaja tetapi dibuka kepada semua kaum dan semua golongan dengan pembiayaan oleh Kerajaan Sarawak. Melalui inisiatif ini di mana para lulusan akan dihantar untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti yang tersohor seperti Cambridge University, London School of Economics dan Standford University, saya percaya Sarawak boleh membangunkan sumber manusia yang berkeupayaan untuk bersaing di peringkat global.

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

18. Saya amat berbesar hati kerana pada hari ini diberi penghormatan untuk melancarkan

universiti ciptaan tempatan ini, iatu Kolej Universiti iCATS sekaligus menerima pelantikan sebagai Canselor Universiti Kolej i-CATS yang pertama.

19. Seajar dengan naik taraf tersebut, Kerajaan Sarawak akan mempertingkatkan kemudahan di universiti terbaharu ini yang akan memfokus kepada pengembangan ilmu teknologi, penyelidikan, kejuruteraan dan teknologi aero.

20. Marilah kita bersama-sama melaksanakan tanggungjawab dalam menjayakan agenda besar pendidikan negeri ke arah yang lebih cemerlang demi masa depan generasi pewaris negara. Saya percaya dengan semangat,

komitmen dan dedikasi pihak pengurusan dan warga kerja Kolej Universiti iCATS semua, kita akan berjaya mencapai matlamat ini.

21. Akhir kata, besarlah harapan saya agar Sarawak Skills dan institusi kumpulannya akan meneruskan agenda pendidikannya supaya menjadi platform untuk memperkasakan lagi budaya ilmu berkemahiran, menerapkan nilai murni dan lebih utama dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Tuan-tuan, puan-puan serta para graduan yang dihormati,

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya

Mengisytiharkan Konvokesyen ke-23 Sarawak Skills/Kolej Universiti iCATS tahun 2021.

dan melancarkan Kolej Universiti iCATS.

Wabillahi al-taufiq wal hidayah
wassalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.